

## VANDALISME PERBUATAN YANG TIDAK BERFAEDAH

Oleh: Muhammad Fikri bin Mat Nasir, 1171784,  
Fakulti Kepimpinan & Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 21 Ogos 2020*



Agak menghairankan apabila masalah vandalisme di negara ini semakin meningkat dan mencapai tahap yang membimbangkan sedangkan ramai rakyat yang berpendidikan tinggi.

Kebiasaannya, kemudahan awam sering dijadikan sasaran untuk melepaskan geram. Mereka mencari keseronokan dengan menggores dan merosakkan dinding lif serta menconteng dinding tandas awam.

Perbuatan tidak bertanggungjawab ini sangat dikesali kerana menyusahkan orang ramai dan memerlukan perbelanjaan yang besar untuk membaikinya.

Antara langkah yang boleh diambil bagi mengatasi masalah vandalisme adalah dengan mengubah sistem pendidikan.

Sistem pendidikan sekarang terlalu berorientasikan peperiksaan dan kegiatan kokurikulum selalu diabaikan.

Kementerian Pendidikan sepatutnya memberi penekanan terhadap usaha membanteras vandalisme dalam subjek Pendidikan Moral dan Agama.

Selain itu, ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka dengan nilai-nilai murni seperti bertanggungjawab dan bertimbang rasa sejak dari kecil lagi.

Anak-anak perlu diberi penjelasan tentang keburukan gejala vandalisme agar mereka tidak terjebak melakukannya apabila meningkat usia remaja.

Penguatkuasaan undang-undang juga boleh dijadikan sebagai jalan terakhir bagi menangani gejala vandalisme.

Sekiranya undang-undang sedia ada tidak berjaya menangani gejala vandalisme, maka hukuman yang lebih berat wajar diperkenal dan dikuatkuasakan.

Dari sudut pandangan Islam, vandalisme dianggap sebagai perbuatan yang berdosa dengan berlandaskan kepada dua perkara.

Pertama, harta awam adalah hak orang ramai. Pelbagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dibina dengan menggunakan wang hasil cukai yang dikutip daripada rakyat.

Justeru, perbuatan merosakkan atau mencuri harta awam boleh dianggap seperti mengambil hak orang ramai.

Kedua, Islam menekankan agar setiap perlakuan mesti mempunyai tujuan yang bermakna.

Vandalisme jelas adalah perbuatan yang sia-sia dan tidak memberi sebarang manfaat kepada masyarakat dan negara.

Sebaliknya, perbuatan tidak bertanggungjawab ini memang menyusahkan dan menghalang orang lain daripada menggunakan kemudahan awam yang disediakan kerajaan.

Sebagai seorang remaja Muslim, hidup dengan mempunyai tujuan adalah menjadi kewajiban kepada mereka.

Setiap perbuatan atau kelakuan yang dilakukan tanpa sebarang tujuan atau niat, maka perbuatan tersebut akan menjadi sia-sia di sisi Islam.

Sebagaimana hadis daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Salah satu daripada kebaikan Islam ialah seseorang itu meninggalkan sesuatu yang tidak memberi makna kepadanya.”

